



## **KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

### **SIDANG KEMUNCAK PERINGATAN ASEAN-INDIA; 25 - 26 JANUARI 2018**

Menteri Kesihatan, YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam akan mengiringi YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ke Sidang Kemuncak Peringatan ASEAN-India pada 25-26 Januari 2018 di New Delhi, India. Sidang Kemuncak Peringatan ASEAN-India ini diadakan bersempena dengan Ulangtahun ke-25 Hubungan Dialog ASEAN-India. Tema tahun ini ialah “Nilai Bersama, Matlamat Bersama” berfungsi sebagai platform bagi negara-negara anggota ASEAN dan India untuk merangka hala tuju hubungan kerjasama bagi masa hadapan.

Sidang Kemuncak ini juga akan menyaksikan sambutan Hari Republik India ke-69 pada 26 Januari yang mana buat pertama kalinya dalam sejarah, para pemimpin ASEAN telah dijemput untuk menghadiri sambutan Hari Republik India sebagai Tetamu Kehormat. Pelbagai program telah diatur oleh Kerajaan Republik India termasuk beberapa program yang akan dihoskan oleh Presiden India, dan juga sesi pleno yang akan membincangkan isu-isu global dan serantau serta hala tuju kerjasama ASEAN-India.

**Kementerian Kesihatan Malaysia  
24 Januari 2018**